



**DPB50163: BUSINESS PROJECT**

**SESI 2: 2021/2022**

**KAJIAN KEBERKESANAN SISTEM RAXELL DI  
SYARIKAT BY THE STREET CAFE**

Prepared by:

NAME	MATRIC NO
<b>NURUL NADIA BINTI ZULKLEE</b>	<b>10DPM20F2040</b>
<b>NURUL SYAFIQAH BINTI MOHD FAUZI</b>	<b>10DPM20F2026</b>
<b>SITI SARAH BINTI ABU HASAN</b>	<b>10DPM20F2008</b>
<b>SAMINTHARA RAAJ A/L UMABATHY</b>	<b>10DPM20F2067</b>

**CLASS: DPM4A**

**LECTURER'S NAME: DR. NOR HATIZAL BINTI AMARUL SHAH**

**SUPERVISOR NAME: PUAN NOOR AKMA BINTI ABDUL RASHID**

## **PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR**

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus Business DPB50163 BUSINESS PROJECT Sesi 2: 2021/2022 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai,

Jalan Permatang Pauh,

13500 Permatang Pauh,

Pulau Pinang.

## **PENGESAHAN LAPORAN AKHIR PROJEK**

Laporan projek yang bertajuk *By the Street Cafe* telah dikemukakan, disemak serta disahkan bagi memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

### **Disemak Oleh:**

Nama Penyelia : Puan Noor Akma Binti Abdul Rashid

Tandatangan Penyelia :

Tarikh :

### **Disahkan Oleh:**

Nama Penyelaras : Dr. Nor Hatizal Binti Amarul Shah

Tandatangan Penyelaras :

Tarikh :

## **PERAKUAN PELAJAR**

Kami mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja kumpulan kami sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah kami perincikan sumbernya

1. Nama : Saminthara Raaj A/L Umabathy  
No. Pendaftaran : 10DPM20F2069
  
2. Nama : Nurul Nadia Binti Zulkeflee  
No. Pendaftaran : 10DPM20F2040
  
3. Nama : Nurul Syafiqah Binti Mohd Fauzi  
No. Pendaftaran : 10DPM20F2026
  
4. Nama : Siti Sarah Binti Abu Hasan  
No. Pendaftaran : 10DPM20F2008

## **PENGHARGAAN**

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat juga kami sekumpulan menyempurnakan tugas yang diberikan. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami dapat perolehi pelbagai pengalaman yang amat berharga dan bermakna dalam hidup sebagai manusia yang bergelar seorang pelajar. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, wang ringgit, psikologi dan bantuan tenaga yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus DPB50163 BUSINESS PROJECT yang bertajuk *By the Street Cafe* bagi Sesi 2: 2021/2022. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu, Dr. Nor Hatizal Binti Amarul Shah kerana beliau tidak lelah memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan tugas ini. Selain itu, jutaan terima kasih juga ingin kami ucapkan kepada Puan Noor Akma selaku penyelia kami kerana membantu kami dalam menyiapkan tugas yang diberikan.

## **ABSTRAK**

Tajuk kajian yang telah dipilih ialah Sistem Raxell untuk perniagaan *By the Street Cafe*. Sistem Raxell ialah satu sistem yang dihasilkan oleh pengkaji untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan *By the Street Cafe*. Perniagaan ini mempunyai kekurangan dari segi pengiraan yang tidak sama dengan hasil yang diperolehi oleh perniagaan tersebut. Objektif yang ingin dicapai adalah mengenal pasti cara pemilik membeli barang dan mengenal pasti harga stok barang bagi perniagaan *By the Street Cafe*. Objektif seterusnya ialah dengan adanya sistem Raxell ini juga dapat membantu perniagaan *By the Street Cafe* membuat pengeluaran wang masuk dan keluar yang sama. Projek kami ini dijalankan di *By the Street Cafe*, Permatang Tinggi C, Kepala Batas, Pulau Pinang. Dengan adanya Sistem Raxell ini dapat membantu perniagaan tersebut. Pengkaji juga membuat soal selidik dan temu ramah terhadap pekerja dan pemilik untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh perniagaan tersebut. Hal ini dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan tersebut supaya perniagaan tersebut dapat meneruskan perniagaannya.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	
PENGHARGAAN	5
ABSTRAK	6
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	10
1.2 Latar Belakang Kajian	11
1.3 Kaedah Analisis Data	12
1.4 Pernyataan Masalah	14
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Justifikasi Kajian	14
1.7 Skop Kajian	15
1.8 Kepentingan Projek	15
1.9 Rumusan	15
<b>BAB 2: KAJIAN LAPANGAN</b>	
2.1 Pendahuluan	16
2.2 Kajian Lepas	16 - 21
2.3 Rumusan	21

**BAB 3: METODOLOGI/REKA BENTUK**

3.1 Pendahuluan	22
3.2 Reka Bentuk Projek	22
3.3 Impak Projek	28 - 32
3.4 Rumusan	33

**BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

4.1 Pendahuluan	34
4.2 Dapatan Kajian/Pengujian	34
4.2.1 Objektif Pertama	36
4.2.2 Objektif Kedua	38
4.2.3 Objektif Ketiga	40
4.3 Perbincangan	
4.3.1 Kelebihan	41
4.3.2 Kekurangan	41
4.3.3 Masalah	41
4.4 Kos Yang Terlibat	42
4.5 Rumusan	42

## **BAB 5: KESIMPULAN**

5.1 Pendahuluan	43
5.2 Kesimpulan	43
5.3 Cadangan	44
5.4 Limitasi Projek	45
5.5 Rumusan	45
<b>Rujukan</b>	<b>46</b>
<b>Lampiran</b>	<b>47</b>

## **BAB 1: PENGENALAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**


Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji iaitu latar belakang perniagaan, pernyataan masalah/isu, objektif kajian, skop kajian, justifikasi kajian dan kepentingan kajian. Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk menjalankan kajian di *By the Street Cafe*. Perusahaan ini menjalankan perniagaanya di Kawasan Paya Keladi, Kepala Batas, Pulau Pinang. Jenis perniagaan adalah milikan tunggal.

Perbincangan tentang kajian ini telah pun kami lakukan bersama pihak *By the Street Cafe* untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pihak kafe tersebut. Antara masalah yang dihadapi adalah *By the Street Cafe* tidak mempunyai sistem yang teratur kerana barang belian masih ditulis di dalam buku dan pengiraan wang yang tidak sama dengan pembelian. Justeru, pengkaji telah merancang untuk menghasilkan satu projek bersama pihak *By the Street Cafe* bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh kafe tersebut.

Satu sistem yang mengandungi maklumat berkaitan harga, jenis barang belian, dan pengiraan wang keluar masuk dicadangkan oleh kami bagi setiap pembelian barang. Sistem ini mampu untuk membantu kafe dalam pengiraan wang sesuatu menu dalam jualannya dan mengawal penggunaan wang untuk barang belian dengan lebih mudah dan pantas.

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Melalui kajian yang dilakukan, perniagaan yang dipilih adalah *By the Street Cafe* yang bertempat di Permatang Tinggi B, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang. Perniagaan utama kafe ini adalah menjual pelbagai juadah makanan. Kafe ini ditubuhkan pada 3 Mac 2020 dan telah beroperasi hampir 2 tahun. Seterusnya, perniagaan kafe ini beroperasi pada hari Selasa hingga Ahad pada jam 11.30 pagi hingga 6.30 petang.



### **1.3 KADEAH ANALISIS DATA**

#### A) Analisis keperluan

Kajian ini dijalankan bagi memastikan sama ada perniagaan “*BY THE STREET CAFE*” memerlukan produk yang dicipta oleh pengkaji iaitu Sistem Raxell bagi membantu pemilik dalam menyelesaikan masalah kemasukkan and pengeluaran debit dan kredit dari segi kewangan dan barang pembelian untuk kafe mereka. Oleh itu, pengkaji menyediakan satu borang analisis keperluan untuk mengumpulkan semua masalah yang dihadapi oleh peniaga *By the Street Cafe* untuk mencipta Sistem Raxell dengan sepenuh cara yang diperlukan.

### 1.3.1 Borang Analisis Keperluan Peniaga

BORANG KAJIAN KEPERLUAN SISTEM RAXELL	
Bahagian A:	Maklumat Peniaga
Nama	Nurhani Adilla Bt Ismail
Jantina	Perempuan
Umur	26 Tahun

Bahagian B: LATAR BELAKANG PRODUK YANG DIGUNAKAN SEKARANG	
Adakah perniagaan <i>By the Street Cafe</i> mempunyai produk sekarang?	Ya
Adakah barang dapur tidak mencukupi dan cepat rosak di <i>By the Street Cafe</i> ?	Tidak
Adakah barang belian masih ditulis di dalam buku nota dan pengiraan wang yang tidak sama dengan pembelian di <i>By the Street Cafe</i> ?	Ya
Adakah <i>By the Street Cafe</i> tidak mempunyai pekerja yang mencukupi seperti penghantar pesanan ke setiap rumah?	Ya

BAHAGIAN C: PENAMBAHBAIKAN	
Adakah anda bersetuju untuk kami membuat penambahbaikan dalam perniagaan anda <i>By the Street Cafe</i> ?	Ya

## **1.4 PENYATAAN MASALAH/ISU**

Hasil daripada kajian, terdapat masalah yang dialami oleh perusahaan berkaitan dengan masalah kewangan debit dan kredit, kemasukan dan pengeluaran barang secara pembelian. Masalah kredit dan debit kewangan bagi perniagaan *By the Street Cafe* ini ditubuhkan dari tahun 2020 hingga sekarang. Hal ini menyebabkan perniagaan ini sukar untuk membaiki kesilapan dan mempunyai masalah dalam perniagaan.

Oleh itu, pengkaji telah mengeluarkan satu idea untuk mewujudkan perisian *excel* yang dinamakan Sistem Raxell bagi memudahkan peniaga dengan tujuan merekodkan hasil jualan, pembelian, kemasukan duit, pengeluaran duit, pembelanjaan, untuk melancarkan perniaagan mereka. Selain itu, Sistem Raxell ini merupakan satu platform kepada pemilik kafe bagi memudahkan kerja pengiraan dalam perniagaan mereka.

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Projek ini dijalankan untuk;

- 1.5.1 Mengenalpasti penggunaan Sistem Raxell dapat merekod hasil jualan.
- 1.5.2 Mengenalpasti Sistem Raxell dapat merekod pembelian stok barang.
- 1.5.3 Mengenalpasti Sistem Raxell dapat merekod keuntungan atau kerugian sebulan.

## **1.6 JUSTIFIKASI KAJIAN**

Justifikasi kajian ini telah memilih perisian *excel* iaitu satu produk yang dinamakan Sistem Raxell. Hal ini kerana *By the Street Cafe* tidak mempunyai sistem yang teratur kerana barang belian masih ditulis secara manual di dalam buku dan pengiraan wang yang tidak sama dengan pembelian. Kebanyakkan peniaga telah menggunakan sistem ini kerana ingin mengelakkan daripada berlakunya kesilapan dalam merekod harga barang.

## **1.7 SKOP KAJIAN**

Skop kajian ini memfokuskan kepada beberapa faktor masalah yang dialami oleh perniagaan *By the Street Cafe* di Kepala Batas. Faktor masalah yang dialami bagi perniagaan tersebut adalah masalah pengiraan wang yang tidak sama dengan hasil yang diperolehi.

Oleh itu pengkaji juga membuat sesi temu ramah bersama pemilik dan pekerja di kafe tersebut dan menyediakan borang soal selidik bagi mengetahui masalah tersebut dan menganalisis masalah dengan lebih terperinci.

## **1.8 KEPENTINGAN PROJEK**

Penciptaan Sistem Raxell ini dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh perniagaan *By the Street Cafe* iaitu masalah pengiraan wang yang tidak sama dengan hasil yang diperolehi.

## **1.9 RUMUSAN**

Perniagaan *By the Street Cafe* ini menghadapi masalah pengiraan wang yang tidak sama dengan hasil yang diperolehi. Oleh itu, pengkaji telah membuat soal selidik dan temu ramah bersama pemilik dan beberapa orang pekerja untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai masalah yang dihadapi bagi perniagaan tersebut. Maka dengan itu, pengkaji mencipta Sistem Raxell ini untuk memudahkan pemilik dan pekerja mengetahui jumlah wang keluar dan masuk bagi meningkatkan pretasi perniagaan tersebut.

## BAB 2: KAJIAN LAPANGAN

### 2.0 Pendahuluan

Bab ini meninjau keperluan pembangunan Sistem Raxell kepada perniagaan sama ada pada perniagaan yang baru dimulakan ataupun perniagaan yang telah lama menapak. Pembangunan Sistem Raxell ini adalah berdasarkan kepada keperluan perniagaan yang dikaji serta keperluan pembeli. Keberkesanan Sistem Raxell juga akan dikaji berdasarkan kajian literatur dan inovasi-inovasi terdahulu.

### 2.2 Kajian Terdahulu/Ulasan/Siasatan

#### 2.2.1 Sistem Raxell dapat merekod hasil jualan

Berdasarkan kajian lepas yang dibuat oleh Sharifah Norhafiza bt Syed Ibrahim menyatakan bahawa mencatat hasil jualan amatlah penting bagi memastikan semua urusniaga dalam keadaan yang baik dan perlulah direkod dengan betul dan lengkap tanpa sebarang kecuaian. Hal ini kerana bagi memastikan prestasi dan kedudukan kewangan bagi sesebuah syarikat dapat diukur dengan tepat. Merekod hasil jualan jugak dapat mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak diingini seperti penyelewengan wang, pengawalan perbelanjaan dan sebagainya. Merekod hasil jualan dapat membantu pemilik untuk menguruskan inventori dengan lebih baik malah mengelakkan diri daripada melakukan membazir seperti membeli inventori secara berlebihan. Hasil jualan perlu direkodkan supaya pemilik dapat mengawal keluar masuk wang supaya tiada penyelewengan yang berlaku malah dapat mencapai sasaran keuntungan bagi setiap bulanan atau tahunan.

Menurut Muhd Shahrizul Muiz, Nur Dalila, Nur Farah Aqilah, Nor Afiera, Suguna dan Nor Hazwzni Fasihah, ramai peniaga kecil yang tidak menggunakan perisian kewangan seperti merekod hasil jualan perniagaan mereka. Hal ini mengakibatkan ramai peniaga kecil menyangka bahwasanya merekod hasil jualan adalah tidak penting dan memberikan kerja yang rumit terhadap mereka untuk laksanakan tugasannya mereka malah ada peniaga kecil juga yang tidak tahu tentang kewujudan perisian kewangan ini. Penulis kajian lepas juga mendapati kebanyakan daripada perniagaan yang mereka kaji didapati tidak tahu cara merekod hasil jualan mereka. Semua peniaga perlulah yakin bahwasanya dengan merekod hasil jualan,

mereka dapat bersaing dengan lebih hebat dan dapat mengetahui hasil jualan mereka walaupun peniaga-peniaga kecil ini sekadar menjual barang keperluan harian supaya tidak melakukan pembaziran terhadap kewangan mereka.

Berdasarkan kajian lepas ini terdiri daripada 10 orang usahawan tani IKS Bumiputera (5 lelaki dan 5 wanita) di Negeri Terengganu dan berada dalam julat umur yang telah matang dan berpengalaman. Keupayaan seseorang ahli perniagaan memastikan rekod hasil jualan barang yang baik akan mengurangkan risiko kehilangan barang perniagaan, memastikan penyimpanan stok berada di tahap optimum serta pengurusan aliran tunai yang cekap. Ia dapat memaksimumkan keuntungan dan mengurangkan kerugian dalam sesuatu perniagaan. Antara salah satu tujuannya, pembahagian antara hasil pendapatan dan hasil pembelanjaan adalah untuk merekod ke dalam penyata kewangan dan memo yang betul. Hal ini menunjukkan jumlah inventori untuk disimpan dan ditambah perlu seiring agar proses kerja semakin mudah. Oleh itu, hasil pendapatan, hasil pembelanjaan, modal pendapatan akan memberi kesan terhadap keuntungan dan kedudukan kewangan bagi sesebuah perniagaan.

Menurut Wan Mohd Ghazali, hubungan antara manusia sebagai unit pengeluar yang produktif bagi memenuhi kehendak dan keperluan unit-unit berkenaan. Sebaliknya, peniaga perlulah mempunya kemahiran berkomunikasi yang tinggi bagi menjaga hubungan dengan pelanggan serta mengharapkan servis penghantaran yang digunakan untuk melakukan sesuatu tugas yang baik. Pengurusan perniagaan secara atas talian juga adalah lebih selamat dan mudah untuk diuruskan. Segala maklumat dan urusan jual beli yang berlaku akan direkod dan boleh disemak semula bagi tujuan audit dan sebagainya. Jelaslah bahawa perniagaan secara atas talian memberi kelebihan dari segi risiko kepada peniaga hari ini. Menurutnya lagi, sebagai peniaga, mereka juga perlu mengetahui bahawa peningkatan harga yang kecil sekalipun akan membawa pertambahan terhadap keuntungan hasil jualan tersendiri. Kemungkinan peniaga-peniaga akan mengalami sedikit rintangan sekiranya anda melakukan pertukaran harga barang secara kerap di kedai atau sekiranya anda hanya menjual satu jenis produk sahaja.

Kajian lepas yang dijalankan oleh *Tony Woodall* menunjukkan terdapat faktor harga yang mempunyai hubungan dengan kepuasan pelajar dan cara merekod hasil jualan barang. Harga yang rendah akan memberi kelebihan kepada pelajar untuk mengulangi pembelian. Dengan penglibatan daripada pelanggan seperti pelajar. Selain itu, pekerja juga dapat melalui pengalaman menguruskan sesebuah perniagaan seperti menempah barang jualan sehingga menjual barang tersebut kepada pengguna. Hal ini menunjukkan pengurusan inventori atau provision (advanced) perlu dirancang secara sistematik dengan menggunakan barang yang berkualiti agar perniagaan tidak mengalami kerugian yang banyak.

## 2.2.2 Sistem Raxell dapat merekod pembelian stok barang

Pengurusan inventori menjadi kepentingan dalam sesebuah perniagaan bagi memastikan persediaan untuk perniagaan tersebut. Setiap perniagaan memerlukan pengurusan inventori yang lebih efektif. Hal ini adalah untuk memastikan jumlah inventori untuk disimpan perlu seiring agar proses kerja semakin mudah dan pantas. Pengurusan pembelian inventori perlu dirancang supaya setiap perniagaan tidak mengalami kerugian yang banyak dan akan menyebabkan perniagaan itu sendiri menjadi muflis. Sekiranya jumlah inventori tidak mencukupi ia nya akan menyebabkan hasil jualan semakin merosot. Jumlah inventori yang berlebihan juga menyebabkan berlakunya pembaziran wang dan lebihan tenaga pekerja yang digunakan.

Menurut Hizani Izzati binti Rijat@Hijat, penyataan di laporan tersebut jelas menunjukkan bahawa inventori dikira sebagai satu senarai yang menunjukkan jumlah aset sesebuah syarikat atau kafe kerana mempunyai beberapa transaksi jual beli stok tersebut. Penulis juga merujuk sumber *Muller (2011)* dan *Sahari (2012)*, inventori dalam pembinaan juga boleh dirujuk sebagai jumlah kuantiti bahan atau komponen yang disimpan di kawasan penyimpanan. Menurut *Mohopadkar dan Patil, 2013*, inventori iaitu stok turut dikenali sebagai senarai maklumat sesuatu barang yang diwujudkan oleh sesebuah organisasi misalnya pembuatan atau perkhidmatan bagi menjalankan aktiviti perniagaan yang lebih cekap. Dalam pembinaan, senarai tersebut digunakan bagi menyemak dan mengawal kadar aliran bahan yang masuk dan keluar daripada jumlah stok yang sedia ada ditapak yang semakin rancak dan menyebabkan ianya mula sukar diurus dan dikawal dengan baik terutamanya bagi projek yang semakin rumit dan berskala besar.

Menurut kajian lepas yang dijalankan Asfalela binti Amiruddin, sistem untuk merekod pembelian stok barang yang dibangunkan ini bertujuan untuk membantu kakitangan yang bertugas dalam melancarkan tugas-tugas mereka dan membantu mengatasi masalah yang dihadapi ketika kaedah manual digunakan. Sistem ini direkabentuk untuk memenuhi segala keperluan yang wujud dalam aliran suatu inventori. Penyediaan suatu sistem kerja yang lebih produktif membantu kakitangan dalam mengendalikan keluar masuk barang, maklumat inventori yang ada dalam simpanan, maklumat pembekal dan penyediaan laporan bulanan dan tahunan yang lebih kemas dan cepat.

Kajian lepas di Batu Pahat yang dijalankan Nur Nadia Mohd Lazim, R., Chandrashekar, dan Muhammad Ammar Shafi pada tahun 2020. Mereka menyatakan pengurusan inventori atau dinamakan stok sangat penting tidak kira dari segi pengurusan pengeluaran serta pemasaran ianya berkerjasama bagi mencapai pendekatan yang terbaik. Menurut sumber dari Rajeev,2010, ia perlu diberi perhatian tidak kira dari kalangan syarikat besar malah dari kalangan syarikat kecil dan sederhana juga. Dengan ini jelaslah dengan mempunyai satu pengurusan inventori sistematik di industri kecil sederhana diperlukan bagi mengurangkan masalah kekurangan stok dan meningkatkan keuntungan syarikat. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pembaca, pengkaji serta pengusaha industari kecil dan sederhana.

Menurut NorAzila binti Aniah terdapat beberapa kaedah penilaian stok seperti yang dibincangkan oleh NorAzila. Dengan menggunakan beberapa kaedah yang berbeza, ia akan memberikan nilai stok yang berbeza. Penulis juga membincangkan, definisi stok, membezakan antara Sistem Penyimpanan Rekod Stok Berkala dan Berterusan, penerangan konsep kos dalam penilaian stok, penerangan penilaian stok berdasarkan kaedah Masuk Dulu Keluar Dulu (MDKD), Masuk Kemudian Keluar Dulu (MKKD) dan Purata Wajaran dan kesanya ke atas untung rugi perniagaan. Pemilik perniagaan akan membuat pilihan untuk menggunakan sistem dan kaedah yang bersesuaian dan bertepatan dengan matlamat organisasi iaitu meminimumkan kos dan memaksimumkan keuntungan. Perbezaan ke atas nilai stok ini sudah tentu akan memberi kesan kepada untung rugi perniagaan.

## 2.2.3 Sistem Raxell dapat merekod keuntungan atau kerugian sebulan

Menurut Sabri Hussin (2005), sesebuah perniagaan itu akan dapat bersaing dan berkembang ke tahap yang lebih membanggakan sekiranya fungsi-fungsi pengurusan kewangan dapat dikendalikan dengan baik dan bersistematik. Justeru itu, dari kajian Azmi, Nik dan Lee (2012) yang bersandarkan Model Lussier oleh Lussier, R., dan Corman, J. (1996) mendapati bahawa terdapat 15 penentu kejayaan atau kegagalan dalam perniagaan seperti pemodal, penyimpanan rekod dan pengawalan kewangan, pengalaman industri, pengalaman dalam menguruskan perniagaan, kemahiran perancangan, khidmat nasihat professional, latar belakang pendidikan, pengambilan pekerja, keadaan ekonomi negara, trend pengeluaran produk dan perkhidmatan, pemasaran, latar belakang ibu bapa yang bermiaga, perniagaan perkongsian, jenis pemilikan saham dan umur usahawan ketika memulakan perniagaan.

Peniaga-peniaga kecil tidak menyedari kebaikan merekod dan menguruskan kewangan dalam perniagaan mereka walaupun ianya hanyalah perniagaan kecil sahaja. Malah mereka lebih memilih untuk tidak merekod data kewangan mereka. Perkara ini dipersetujui oleh *Dorothy Davis, Paul Dunn dan Katherine Boswell* (2009). Pengetahuan asas tentang simpan kirakira adalah penting untuk pelaporan kewangan perniagaan yang konsisten. Antara kebaikan operasi harian perniagaan direkodkan adalah untuk membolehkan sesebuah perniagaan membuat keputusan berkaitan pengurusan dan kewangan dengan lebih baik, membantu dalam menyediakan pembayaran cukai tahunan dan menyediakan rancangan seterusnya dalam perniagaan tersebut.

Menurut Yasmin Huzaimah dan Anuar (2017), semakin ramai belia yang muflis disebabkan menanggung bebanan hutang yang amat serius. Kurangnya pengetahuan dalam menguruskan kewangan peribadi juga merupakan salah satu penyebab berlakunya muflis di usia yang muda. Mereka yang mampu menguruskan firma dengan baik juga perlu berdepan dengan pelbagai halangan. Oleh yang demikian, usahawan yang berjaya perlu mempunyai tahap pengetahuan yang mendalam dalam menguruskan kewangan agar sistem kewangan firma mereka dapat berjalan dengan baik.

Menurut Muhammad Rashid dan Suhaida (2013), amalan pengurusan peniaga- peniaga di Kedai Runcit Bumiputera di Luar Bandar Daerah Hilir Perak menunjukkan amalan pengurusan perniagaan berada pada tahap sederhana termasuk pengurusan kewangan. Sikap pengurusan kewangan usahawan dikaitkan dengan amalan pengurusan perniagaan daripada persepsi usahawan tani Bumiputera yang berjaya adalah berada pada tahap yang tinggi namun hasil temu bual mendapatkan usahawan tani yang dikaji mengakui bahawa amalan pengurusan pemasaran masih di tahap yang lemah manakala hasil pemerhatian pula menunjukkan amalan pengurusan kewangan responden masih di tahap tidak memuaskan (Nurul Huda & Ramlee, 2009).

Menurut Nurulhasanah (2014), pengurusan kewangan oleh usahawan dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti kemahiran, sikap, ilmu pengetahuan, perancangan perniagaan dan pengalaman. Kewujudan faktor-faktor ini akan mempengaruhi tahap pengurusan kewangan oleh seseorang usahawan. Walaubagaimana pun, kehadiran faktor-faktor ini juga berkait rapat dengan pelbagai masalah yang timbul terhadap usahawan dalam pengurusan kewangan di firma mereka.

### **2.3 Rumusan**

Secara keseluruhannya, bab dua telah membincangkan keperluan pembangunan sistem Raxell kepada perniagaan *By the Street Cafe*. Keberkesanan sistem Raxell ini menunjukkan modernisasi perniagaan yang membangun seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Keperluan aplikasi ini amatlah penting untuk perniagaan *By the Street Cafe* untuk mengembangkan skop perniagaan mereka. Hal ini kerana perniagaan *By the Street Cafe* ini terdapat maklumat yang terperinci mengenai barang yang dijual dan maklumat mengenai kafe tersebut.

## **BAB 3: METODOLOGI / REKA BENTUK**

### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menghasilkan produk Sistem Raxell untuk perniagaan *By the Street Cafe* dengan menggunakan perisian *excel*. Kemudian penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

### **3.2 REKA BENTUK PROJEK**

#### **3.2.1 KAEADAH/PROSEDUR/TEKNIK PENGHASILAN PROJEK**

Masalah yang dihadapi oleh *By the Street Cafe* telah memberikan idea kepada pengkaji untuk mencipta produk yang diberi nama Sistem Raxell. Antara masalah yang dihadapi oleh *By the Street Cafe* ialah tidak mempunyai sistem yang teratur kerana barang belian masih ditulis di dalam buku dan pengiraan wang yang tidak sama dengan pembelian. Oleh itu dengan adanya Sistem Raxell ini yang dijadikan sebagai alternatif kearah penambahbaikan dalam perniagaan pemilik. Kebolehgunaan menunjukkan kelancaran produk yang dibangunkan.

#### **3.2.3 KAEADAH ANALISIS DATA**

Kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan soal kaji selidik melalui kaedah *Google Form* kepada pemilik dan pekerjanya yang terlibat dengan penggunaan Sistem Raxell. Kaji selidik ini berlangsung seminggu bagi mengedarkan borang soal selidik yang perlu diisi oleh pemilik dan pekerja. Statistik data ini dikumpulkan bagi memudahkan untuk membuat rumusan bagi kajian ini.

Carta alir projek Sistem Raxell seperti dibawah:

**Membentuk Carta Alir Mengemaskini Data Stok Barang di *By the Street Cafe***

Langkah 1: Perbincangan	Perbicangan projek bersama ahli kumpulan dan penyelia Puan Noor Akma Binti Abdul Rashid.
Langkah 2: Tinjauan analisis keperluan	Satu tinjauan analisis keperluan terhadap Sistem Raxell telah dijalankan keatas pemilik dan pekerja di <i>By the Street Cafe</i> pada pertengahan bulan September 2022
Langkah 3: Pembangunan rangka Sistem Raxell.	Pembangunan rangka tindak telah dimulakan pada awal bulan Oktober 2022
Langkah 4: Pembangunan prototaip model & antara Sistem Raxell.	Pembangunan prototaip, model dan antara muka sistem dimulakan pada pertengahan bulan Oktober 2022
Langkah 5: Prototaip Sistem Raxell.	Prototaip Sistem Raxell telah disiapkan pada awal bulan November 2022
Langkah 6: Ujilari Sistem Raxell.	Ujilari prototaip Sistem Raxell telah dijalankan oleh ahli kumpulan bagi tujuan menguji kesesuaian sistem tersebut dengan pemilik dan pekerja <i>By the Street Cafe</i> .
Langkah 7: Tinjauan Kebolehgunaan Sistem Raxell	Ahli kumpulan telah mempersempahkan Sistem Raxell dan membuat tinjauan kebolehgunaan di <i>By the Street Cafe</i> kepada pemilik dan pekerja di kafe tersebut pada pertengahan November 2022.

## **PERBINCANGAN TAJUK KAJIAN AHLI KUMPULAN BERSAMA PENYELIA**



*Perbincangan dan mengemaskini projek bersama Penyelia Puan Noor Akma Binti Abdul Rashid dan ahli kumpulan*

### **TINJAUAN ANALISIS KEPERLUAN**

No	Soalan	Sangat Setuju	Setuju	Neutral	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
1	Syarikat <i>By the Street Cafe</i> masih mencatat stok secara manual.					
2	Syarikat <i>By the Street Cafe</i> mengambil masa yang lama untuk mencatat stok secara manual.					
3	Syarikat <i>By the Street Cafe</i> sukar untuk merekod stok baharu dan lama.					
4	Syarikat <i>By the Street Cafe</i> merekod barang keluar masuk dengan tidak tepat.					

## **ANALISIS KEBOLEHGUNAAAN**

NAMA: Nurhani Adilla

UMUR: 26 tahun

JANTINA: Perempuan

No	Soalan	Sangat setuju	Setuju	Neutral	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
1	<b>MENGENALPASTI PENGGUNAAN SISTEM RAXELL DAPAT MEREKOD HASIL JUALAN</b>  Sistem Raxell ini dapat menyimpan hasil jualan <i>By the Street Cafe</i> sehari dengan tepat.					
	Sistem Raxell ini dapat membantu pihak cafe dalam mengatur pembelian stok bulanan dengan tepat.					
	Sistem Raxell ini mudah diakses apabila hendak merekod hasil jualan.					
	Menunjukkan harga yang tepat dengan mengikut harga seunit setiap barang					
2	<b>MENGENALPASTI SISTEM RAXELL DAPAT MEREKOD PEMBELIAN STOK BARANGAN</b>  Sistem Raxell menggunakan jenis tulisan yang mudah difahami.					
	Sistem Raxell memudahkan pencarian stok barang yang dicatat melalui kaedah nombor.					
	Sistem Raxell dapat mengurangkan berlakunya pembaziran seperti kerosakan stok dengan merujuk kepada tarikh luput barang.					
	Sistem Raxell ini memudahkan para pekerja mengetahui item stok keluar masuk barang di kafe.					
3	<b>MENGENALPASTI SISTEM RAXELL DAPAT MEREKOD KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN SEBULAN.</b>  Sistem Raxell merekod untung rugi sebulan dengan tepat.					

	Sistem Raxell dapat merekod keuntungan dan kerugian dengan menggunakan formula yang tepat malah berkesan.				
	Sistem Raxell dapat menukar mata wang dengan sendirinya sekiranya membeli stok dari luar negara.				
	Sistem Raxell dapat merekod keuntungan dan kerugian bulanan dalam tempoh setahun dengan membuka “ <i>new sheet</i> ”				

- c) Kajian ini menggunakan analisis SWOT. Analisis SWOT ini digunakan bagi mengetahui kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman bagi perniagaan *By the Street Cafe*.

<u><b>Strength</b></u>	<u><b>Weakness</b></u>
